

# Ingkar: MT tidak boleh bertindak

BH 1 2 MAR 2000

Oleh WAN JAILANI RAZAK

LANGKAWI: Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tiada apa yang boleh dilakukan Majlis Tertinggi (MT) Umno jika Umno bahagian tidak mematuhi nasihat badan tertinggi parti itu supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan pada Perhimpunan Agung Umno. Mei ini.

Perdana Menteri berkata, nasihat yang dikeluarkan MT Umno sekarang tidak sama dengan nasihat yang diberikan pada zaman British yang mana ketika itu, nasihat itu mesti dipatuhi.

"Nasihat kita ini bukan nasihat British, nasihat British ini mesti dipatuhi. Kalau tak nak patuh, kita tak boleh buat apa-apa.

"Kita nasihat kerana itu pendapat Majlis Tertinggi. Itu yang terbaik... saya tak nak komen apa," katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, semalam, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas mengadakan lawatan tidak rasmi kepulau ini, sejak malam kelmarin.

Ini adalah reaksi pertama Dr Mahathir ketika ditanya mengenai tinda-

kan Umno bahagian Tanah Merah kelmarin yang mencalonkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden umno.

Ia adalah pencalonan pertama bagi Tengku Razaleigh untuk jawatan itu. Sebelum ini beliau mendapat satu pencalonan untuk jawatan Naib Presiden daripada Umno Bahagian Grik.

Mesyuarat MT Umno sebelum ini menetapkan jawatan Presiden yang kini dipegang oleh Dr Mahathir dan jawatan Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sepatutnya dikedalkan.

Dr Mahathir bagaimanapun tidak terkejut dengan tindakan Umno bahagian Tanah Merah, dengan berkata: "Saya tidak terkejut dengan apa-apa pun."

Mengenai soalan sama ada tindakan Umno bahagian Umno Tanah Merah mencalonkan Tengku Razaleigh bagi dua jawatan tertinggi parti itu akan diikuti Umno bahagian yang lam, Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu mengeniannya.

"Saya tak tahu. Saya tak tahu," katanya.

Menjawab soalan kemungkinan tindakan Umno bahagian Tanah Merah itu akan menggugat keutuhan parti itu, beliau berkata: "Saya tak tahu, kita tengoklah."

Perdana Menteri juga berkata, beliau sudah banyak kali menielaskan yang Umno bahagian bebas memilih sesiapa saja sebagai pencalonan kerana ia cuma nasihat MT dan beliau tidak mahu menjelaskannya lagi.

Ketika diminta nasihat kerana ada bahagian Umno bahagian ingkar dengan nasihat MT, beliau berkata: "Saya tak dak nasihat."

Mengenai dakwaan bekas Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin bahawa ada pakatan untuk menghalang Umno bahagian daripada mencalonkan dirinya dan beberapa orang lain untuk jawatan itu, Dr Mahathir berkata:

"Saya tak tahu benar atau tidak (tetapi) saya harap tak benarlah. Janganlah ada apa-apa tindakan khusus terhadap mana-mana pihak," katanya sambil menambah cadangan Muhyiddin supaya perlembagaan parti dikaji semula untuk mengatasi masalah itu sudah terlewat dan akan dipertimbangkan kemudian.